

BAB 2 KONSEP BINTANG DARI PERSPEKTIF TAFSIRAN AL-QURAN

2.1 Pendahuluan

Dalam bab ini penulis coba menjelaskan tentang konsep bintang dari perspektif tafsiran nas al-Quran. Penjelasan ini merangkumi definisi, kelahiran, kematian dan fungsi-fungsi bintang yang bersumberkan nas-nas al-Quran. Dalam pada itu, penulis coba memaparkan kemukjizatan saintifik ayat-ayat al-Quran dalam astronomi yang berkaitan dengan bintang.

Allah telah menyeru manusia supaya berfikir tentang apa yang ada di langit dan di bumi untuk membuktikan kekuasaanNya¹ seperti firman Allah SWT :

قُلْ انظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا تُعْنِي الْآيَاتُ وَالنُّذُرُ عَنْ
قَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ

“Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya. Dalam pada itu, segala tanda dan bukti (yang menunjukkan kekuasaan Allah), dan segala Rasul (yang menyampaikan perintah-perintah Allah dan memberi amaran), tidak akan memberi faedah kepada orang-orang yang tidak menaruh kepercayaan kepadanya.”

Surah Yūnus (10): 101

Oleh itu, penerokaan ilmu alam perlu dilakukan untuk menghayati dan mengkaji setiap kejadian di langit dan di bumi. Secara tidak langsung, ia dapat mengetahui kepentingan setiap ciptaan yang dijadikan oleh Allah untuk manusia.

¹ Abdul Razak Noufal (2005), *Allah & Sains Moden*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, h. 12.

2.2 Pengenalan kepada Bintang

Bintang adalah seperti kehidupan lain yang bermula dengan kelahiran, kemudian tua dan akan berakhir dengan kematian. Bintang diciptakan daripada *dukhān* iaitu gumpalan yang padat dengan awan debu, atom hidrogen dan helium yang dilahirkan di kawasan nebula.² Bintang menjalani kehidupannya dalam tempoh masa yang sangat lama sehingga berbillion tahun iaitu setelah berlaku satu letupan atau ledakan yang dikenali sebagai supernova. Pada ketika itu, bintang akan kehabisan gas dan tidak lagi memancarkan cahaya.³

2.2.1 Definisi Bintang

Bintang merupakan objek samawi bergas yang memancarkan cahaya⁴ Terdapat dua jenis bintang iaitu bintang ketara dan bintang nyata. Bintang ketara juga dikenali sebagai bintang bergerak (*moving stars*). Manakala, bintang nyata pula dikenali sebagai bintang tetap (*fixed stars*). Secara umumnya, bintang merupakan objek samawi yang menghasilkan cahayanya sendiri dan dikategorikan sebagai bintang nyata.⁵

Bintang juga dikenali sebagai sebuah bebola gas yang panas dan dapat menghasilkan cahaya yang terang pada waktu malam.⁶ Bintang menghasilkan tenaga melalui proses pelakuran nuklear iaitu proses pembakaran gas hidrogen di

² Zaghāl al-Najjār (2005), *Min Āyāt al-I'jāz al-'Imī fī al-Qur'ān al-Karīm*. c. 9. Kaherah: Maktabah al-Shurūq al-Dawliyyah.

³ Micheal Zeilik (2002), *Astronomy: The Evolving Universe*, c. 9. Cambridge, United Kingdom: Cambridge University Press, h. 359.

⁴ *Glosari Astronomi* (1995), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 351.

⁵ Lloyd Motz (1957), *Astronomy A to Z*. New York: Grosset & Dunlap, h. 260.

⁶ Ian Ridpath (1987), *Longman Illustrated Dictionary of Astronomy and Astronautics*. Beirut: Longman Press, h. 69.

dalam terasnya untuk menukarkan gas hidrogen kepada gas helium. Bintang menghasilkan cahayanya apabila melalui proses ini.⁷

Jika dilihat dari bumi, bintang kelihatan seolah-olah tetap di sfera samawi sedangkan bintang sebenarnya bergerak. Ini kerana apabila dilihat dari bumi, pergerakannya sangat perlahan disebabkan jarak antara bintang dengan pemerhati sangat jauh. Akibatnya, agak sukar untuk mengukur pergerakan bintang dengan tepat kerana memerlukan pemerhatian yang teliti dan jitu.⁸

Mengikut *Mu'jam Alfāz wa al-A'lām al-Qur'āniyyah*, perkataan di dalam nas al-Quran yang membawa maksud bintang adalah *al-Najm* (النجم) dan *al-Kawkab* (الكوكب). Perkataan *al-Najm* disebut sebanyak tiga belas kali dalam al-Quran. Terdapat empat ayat al-Quran yang mengandungi lafaz *al-Najm* dalam bentuk tunggal (*mufrād*)⁹ dan sembilan ayat yang mengandungi perkataan *al-Nujūm* iaitu lafaz jamak.¹⁰ Lafaz *al-Najm* seerti dengan lafaz *al-Kawkab* mengikut kesesuaian ayat sama ada membawa maksud bintang atau planet.¹¹

Menurut Ibn Manzūr, *al-Nujūm* adalah bintang yang kelihatan dan muncul di langit pada waktu malam. Menurut ahli linguistik bahasa Arab pula, perkataan *al-*

⁷ Ian Ridpath (1997), *A Dictionary of Astronomy*. Oxford: Oxford University Press, h. 450.

⁸ Lloyd Motz (1957), *op. cit.*, h. 260.

⁹ Surah al-Naḥl (16): 16; Surah al-Ṭāriq (86): 3; Surah al-Najm (53): 1 dan Surah al-Raḥman (55): 6.

¹⁰ Surah al-An'ām(6): 97; Surah al-A'rāf (7): 54; Surah al-Naḥl (16): 12; Surah al-Ḥajj (22): 18; Surah al-Ṣāfāt (37): 88; Surah al-Ṭūr (52): 49; Surah al-Wāqī'ah (56): 75; Surah al-Mursalāt (77): 8 dan Surah al-Takwīr (81): 2.

¹¹ Muḥammad Ismā'īl Ibrāhīm (1998), *Mu'jam Alfāz wa al-A'lām al-Qur'āniyyah*. Kaherah: Dār al-'Arabī, h. 464 & 517-518.

Nujūm merangkumi semua jenis bintang. Ia juga membawa maksud al-Quran dan ada juga diertikan sebagai tumbuh-tumbuhan yang tidak berbatang.¹²

Berdasarkan *al-Qāmūs al-Wajz Li al-Ma'ānī Kalimah al-Qur'ān al-Karīm*, lafaz *al-Nujūm* terdapat empat maksud iaitu objek-objek samawi, tumbuh-tumbuhan yang tidak berbatang, al-Quran dan tempoh waktu tertentu seperti tempoh waktu penurunan ayat al-Quran.¹³

Manakala dalam kitab *Islāh al-Wujūh Wa al-Nazā'ir fī al-Qur'ān al-Karīm*, lafaz *al-Najm* membawa maksud objek-objek samawi, al-Quran dan tumbuhan yang tidak berbatang.¹⁴ Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa *al-Najm* merupakan salah satu objek samawi iaitu bintang.

2.2.2 Ayat-Ayat al-Quran yang berkaitan dengan Bintang

Penulis cuba menjelaskan dan menerangkan secara ringkas ayat-ayat yang berkaitan dengan bintang berdasarkan beberapa kitab tafsir yang muktabar. Apabila diperhatikan secara terperinci, perkataan selain *al-Najm* yang digunakan dalam al-Quran yang membawa maksud bintang adalah perkataan *al-Kawkab* atau *al-Kawākib*, *al-Burūj*, *al-Maṣābiḥ*, *al-Khunnās*, *al-Shi'rā* dan *al-Ṭāriq*.

Maksud perkataan-perkataan ini dirujuk pada *Kitāb Lisān al-'Arabī*. Perkataan *al-Kawākib*, berasal daripada perkataan *Wakaba* atau *Kawb*. *Waw* dan

¹² Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *Lisān al-'Arab*, j. 12. Beirut: Dār al-Iḥyā' Turāth al-'Arabī, h. 568-569.

¹³ Mu'jam *Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* (1970), Mesir: al-Ḥay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah, h. 283-284.

¹⁴ al-Ḥusayn Ibn Muḥammad al-Damighanī (1976), *Islāh al-Wujūh wa al-Nazā'ir fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyin, h. 499.

Kaf yang ditambah adalah untuk menyempurnakan sebutan, tambahan pula *waw* merupakan *waw ašliyyah* daripada perkataan itu sendiri. Maksud umum perkataan *Kawkab* adalah planet yang kelihatan seperti cahaya, tetapi ia juga boleh membawa maksud bintang.¹⁵ *al-Burūj* pula berasal daripada perkataan *Baraj* dan *jamaknya* ialah *burūj* atau *ibrāj*. *Al-burūj* bererti bandar atau istana. Kebiasaannya, lafaz al-Quran yang menggunakan perkataan *al-Burūj* merujuk kepada sekumpulan bintang-bintang. Terdapat 12 buruj di langit yang diibaratkan sebagai bandar atau istana yang telah dibina di atasnya. Ada juga pendapat yang menyatakan *al-Burūj* sebagai planet.¹⁶

al-Maṣābiḥ berasal daripada perkataan *al-Miṣbah* iaitu sesuatu yang mengeluarkan cahaya pada waktu pagi. Manakala *al-Maṣābiḥ* adalah bintang yang muncul pada waktu pagi.¹⁷ *al-Khunnās jamak* kepada *Khānis* iaitu sempit dan samar, tenggelam dan timbul, atau lama kelamaan ia akan menghilang. Manakala ahli tafsir mendefinisikan sebagai bintang yang sentiasa bergerak di atas paksinya ke kanan dan ke kiri. Bintang ini sentiasa tenggelam kemudian timbul semula. Berbeza pula dengan pendapat ahli bahasa yang mendefinisikan *al-Khunnās* sebagai planet. Ia merujuk kepada planet zuhal, musytari, marikh, zuhrah dan utarid.¹⁸

al-Shi‘rā berasal daripada perkataan *Sha‘arā*. *al-Shi‘rā* ialah bintang yang sangat bercahaya yang berada pada buruj Gemini. Bintang ini akan muncul bersama-sama tiga bintang sederet (Mintaka, Nilam dan Nitak).¹⁹ *al-Ṭāriq* pula berasal daripada perkataan *Ṭaraqa* yang membawa maksud muncul pada waktu

¹⁵ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 6. h. 720-721.

¹⁶ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 8. h. 98.

¹⁷ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 10. h. 506.

¹⁸ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 25. h. 71-72.

¹⁹ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 19. h. 416.

malam. Ia merujuk kepada bintang yang kelihatan bercahaya pada waktu malam atau planet yang kelihatan pada waktu subuh. Ahli bahasa membuat kesimpulan bahawa semua bintang adalah *al-Ṭāriq* kerana bintang-bintang akan muncul pada waktu malam.²⁰

Ayat al-Quran yang menggunakan perkataan *al-Kawkab* atau *al-Kawākib* adalah sebanyak lima ayat.²¹ Manakala terdapat tiga ayat yang menyebut perkataan *al-Burūj*²² serta dua ayat yang menggunakan perkataan *al-Maṣābiḥ*.²³ Perkataan *al-Khunnās*²⁴ *al-Shi‘rā*²⁵ dan *al-Ṭāriq*²⁶ pula, masing-masing terdapat satu ayat sahaja di dalam nas al-Quran.²⁷

2.2.2 (a) Al-Najm atau al-Nujūm

Berikut adalah ayat-ayat al-Quran berkaitan bintang yang menggunakan lafaz *al-Najm* (النَّجْم) atau *al-Nujūm* (النُّجُوم) iaitu:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۗ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

“Dan Dialah yang menjadikan bintang-bintang bagi kamu supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah

²⁰ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 40. h. 218-219.

²¹ Surah al-An‘ām (6): 76; Surah Yūsuf (12): 4; Surah al-Nūr (24): 35; Surah al-Ṣāfāt (37): 6 dan Surah al-Infīṭār (82): 2.

²² Surah al-Ḥijr (15): 16; Surah al-Furqān (25): 61 dan Surah al-Burūj (85): 1.

²³ Surah Fuṣṣilāt (41): 12 dan Surah al-Mulk (67): 5.

²⁴ Surah al-Takwīr (81): 15-16.

²⁵ Surah al-Najm (53): 49.

²⁶ Surah al-Ṭāriq (86): 1-2.

²⁷ Agus Purwanto (2009), *Ayat-Ayat Semesta*, c. 3. Bandung: Pustaka Mizan, h. 35-72.

jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui. ”²⁸

Surah al-An‘ām(6): 97

Ayat ini menerangkan kepentingan bintang kepada manusia. Bintang dijadikan sebagai panduan untuk mengetahui waktu dengan cara melihat terbit dan tenggelamnya di langit. Bintang juga dijadikan sebagai petunjuk musim ketika kedudukan matahari berada di antara bintang-bintang.²⁹ Contohnya, apabila matahari terbenam bersama buruj *Cancer*, ia menunjukkan musim panas di kawasan utara khatulistiwa iaitu pada 21 Jun. Selain daripada itu, bintang-bintang digunakan sebagai petunjuk arah di daratan dan di lautan pada waktu malam. Bintang *Orion* digunakan untuk mengetahui arah Utara, manakala untuk mengetahui arah Selatan bintang *Crux* boleh digunakan.³⁰ Dalam ibadah seharian, bintang dijadikan sebagai petunjuk arah kiblat bagi lokasi yang berada jauh dari Mekah.³¹

إِنَّ رَبَّكُمُ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ
عَلَى الْعَرْشِ يُعْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ
مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ ۗ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

“Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa lalu Ia bersemayam di atas Arash; Ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintahNya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian

²⁸ Terjemahan bagi ayat ini dan ayat-ayat yang berikutnya di ambil daripada *Tafsir Bimbingan al-Rahman* yang di tulis oleh Abdullah Basmeih. Sila rujuk Sheikh Abdullah Basmeih (2008), *Mushaf Tajwid*, c. 5. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

²⁹ Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī (2001), *Tafsīr al-Marāghīy*, j. 4. Muhammad Thalib (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1943-1944.

³⁰ Nazhatulshima Ahamd & Mohd Zambri Zainuddin (2001), “*Bintang Rujukan untuk Pengembara Padang Pasir dan Pelaut*” (Kertas Kerja Muzakarah Pegawai-Pegawai Falak Syarie Malaysia di Langkawi, Kedah, 3-6 September 2001), h. 6-12.

³¹ Baharuddin Zainal (2004), *Ilmu Falak Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 43-44.

makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam.”

Surah al-A‘rāf (7): 54

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT berada di atas ‘Arash dan dengan kekuasaanNya telah menciptakan apa yang ada di antara langit dan bumi. Allah menjadikan malam dan siang silih berganti dalam satu hari iaitu Allah menghilangkan kegelapan malam dengan cahaya siang kemudian kecerahan siang ditutupi dengan kegelapan malam.³²

وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“Dan (la mengadakan) tanda-tanda panduan jalan dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.”

Surah al-Naḥl (16): 12

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT menjadikan malam sebagai waktu untuk berehat dan siang untuk mencari sumber rezeki.³³ Ayat ini juga menyebut tentang Allah mengendalikan bintang-bintang yang bergerak dengan teratur dan tetap pada orbitnya sendiri. Hal ini dapat memberikan petunjuk kepada manusia untuk mengetahui posisi mereka di daratan mahupun di lautan pada waktu malam. Pada akhir ayat ini pula Allah menjelaskan bahawa matahari, bulan dan bintang merupakan satu bukti yang jelas bagi mereka yang suka memikirkan tanda-tanda kekuasaan Allah dengan membuat perenungan, pemerhatian dan penelitian.³⁴

³² Zaynab al-Ghazālī al-Jabīlī (1994), *Naẓārat fī Kitāb Allāh*, ‘Abd al-Ḥayy (ed.), j. 1. Beirut: Dār al-Shirq, h. 481.

³³ Al-Marāghī (2001), *op.cit.*, j. 7, h. 3722.

³⁴ Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1997), *Jamī‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Ayyī al-Qur‘ān Taqrīb wa Tahzīb*, j. 4. Ṣalāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālīdī (ed.). Dimshq: Dār al-Qalam, h. 666.

Semua objek-objek samawi seperti bulan, matahari dan bintang yang diciptakan oleh Allah akan mengikut ketetapan perintahNya. Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang mampu menciptakan dan memerintah serta mentadbir alam semesta.³⁵

وَعَلَامَاتٍ ۗ وَبِالنَّجْمِ هُمْ يَهْتَدُونَ

“Dan Dia telah menciptakan tanda-tanda petunjuk jalan dengan adanya bintang-bintang pada waktu malam supaya mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.”

Surah al-Nahl(16): 16

Mengikut pendapat Ibn ‘Abbās, bintang-bintang boleh dijadikan sebagai petunjuk arah bagi memudahkan ahli pelayaran dan pengembara pada waktu malam supaya tidak sesat. Cahaya-cahaya bintang akan kelihatan dengan jelas di langit pada ketika itu. Setiap individu yang menggunakan bintang sebagai petunjuk mestilah mengetahui waktu terbit dan terbenam sesebuah bintang serta dapat membezakan bintang yang terdapat pada buruj tertentu sebelum menentukan kedudukan lokasi yang dicari. Bintang juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengetahui waktu dan arah kiblat.³⁶

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَسْجُدُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَمَنْ فِي الْأَرْضِ وَالشَّمْسُ
وَالْقَمَرُ وَالنُّجُومُ وَالْجِبَالُ وَالشَّجَرُ وَالدَّوَابُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ النَّاسِ ۗ وَكَثِيرٌ
حَقٌّ عَلَيْهِ الْعَذَابُ ۗ وَمَنْ يُهِنِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن مُّكْرِمٍ ۚ إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا
يَشَاءُ

³⁵ Abī al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd Ibn ‘Umar al-Zamakhsharī al-Khawārizmī (t.t), *al-Kashshāf ‘An Haqāiq Ghawāmid al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*, j. 2. Tehran: Intishārā Āfatāb, h. 82-83.

³⁶ *Ibid.*, h. 669.

“Tidakkah engkau mengetahui bahawa segala yang ada di langit dan di bumi tunduk sujud kepada Allah dan (di antaranya termasuklah) matahari dan bulan, dan bintang-bintang, dan gunung-ganang, dan pokok-pokok kayu, dan binatang-binatang, serta sebahagian besar dari manusia? dan banyak pula (di antara manusia) yang berhak ditimpa azab (disebabkan kekufurannya dan maksiatnya); dan (ingatlah) sesiapa yang dihinakan oleh Allah maka ia tidak akan beroleh sesiapaupun yang dapat memuliakannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan apa yang dirancangkanNya.”

Surah al-Ḥajj (22): 18

Ayat ini menunjukkan bahawa Allah mempunyai kekuasaan terhadap seluruh alam sama ada di langit mahupun di bumi. Semua makhluk ciptaan Allah akan tunduk dan mengikut segala peraturan dan ketentuannya. Allah SWT menciptakan segalanya dengan sempurna tanpa kekurangan.³⁷

Berdasarkan *Tafsīr al-Marāghī*, ayat ini menyebut matahari, bulan, bintang-bintang dan sebagainya secara khusus untuk mengingatkan bahawa pada zaman dahulu makhluk-makhluk itu pernah disembah oleh sesetengah kaum. Contohnya, kaum *Ḥimyar* yang menyembah matahari, kaum *Kinānah* menyembah bulan, kaum *Lakham* yang menyembah bintang *Shi'rā*, kaum *Ṭayyūn* menyembah bintang *thurayyā*, manakala orang Mesir kuno menyembah patung anak lembu (*Abīs*) dan kaum *Ghaṭafān* menyembah sejenis pohon yang dikenali sebagai *'uzzā*. Ayat ini diturunkan untuk menegaskan bahawa semua makhluk tersebut tidak boleh disembah kerana semuanya merupakan makhluk-makhluk yang diciptakan oleh

³⁷ Imām al-Jalīl 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl Ibn 'Umar Ibn Kathīr al-Qarshīy al-Damashqī (2004), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm al-Ma'rūf bi Tafsīr Ibn Kathīr*, Abd al-Qādir al-Arnā'wūd (ed.), j. 3. Riyād: Dār al-Salām, h. 1887.

Allah dan mengikuti kehendak serta hukum-hukum Allah. Konklusinya, hanya Allah SWT sahaja yang berhak untuk disembah,³⁸ sebagai mana firman Allah:

فَنظَرَ نَظْرَةً فِي النُّجُومِ

“Kemudian ia memandang dengan satu renungan kepada bintang-bintang (yang bertaburan di langit).”

Surah al-Ṣāfāt (37): 88

Ayat ini menceritakan keadaan Nabi Ibrāhīm a.s. yang berfikir sambil memerhatikan bintang-bintang di langit untuk mencari penyelesaian ketika menghadapi masalah kaumnya yang tetap menyembah patung-patung berhala kerana mengikut adat nenek moyang mereka.³⁹

Qatādah menyatakan bahawa kebiasaannya orang Arab akan menggunakan perkataan “memandang ke arah bintang” untuk menggambarkan seseorang itu sedang berfikir panjang.⁴⁰

وَمِنَ اللَّيْلِ فَسَبَّحَهُ وَإِدْبَارَ النُّجُومِ

“Dan hendaklah engkau bertasbih kepadaNya pada waktu malam, dan pada waktu subuh iaitu ketika bintang-bintang tenggelam.”

Surah al-Ṭūr (52): 49

³⁸ Al-Marāghī (2001), *op.cit.*, j. 9, h. 4538.

³⁹ Baghāwī, Abū Muḥammad al-Ḥusayn Ibn Mas‘ūd (1993), *Tafsīr al-Baghawī al-Musammā Ma‘ālim al-Tanzīl*. al-Namr, Muḥammad ‘Abd Allāh *et al.* (eds.). j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 62.

⁴⁰ Al-Marāghī (2001), *op.cit.*, j. 12, h. 5762.

Ayat ini menyeru supaya manusia bertasbih pada sebahagian malam ketika qiamullail dan menunaikan solat malam (*tahjūd*) kerana ia lebih kusyuk untuk mendekatkan diri dengan Allah.⁴¹ Dalam kitab *Tafsīr Ibn Kathīr* menurut riwayat Ibn ‘Umar, Alī, Abū Hurayrah r.a dan al-Ḥassan maksud *Idbār al-nujūm* merupakan solat sunat fajar dua rakaat. Manakala, menurut Qatādah solat sunat fajar ialah solat sunat sebelum solat subuh dan ini menunjukkan bahawa bintang akan terbenam setelah masuknya waktu subuh iaitu ketika fajar *ṣādiq*. Ayat ini juga menyuruh manusia supaya memperbanyakkan bertasbih dan berzikir kerana dengannya dapat membantu menenangkan hati manusia.⁴²

النَّجْمُ النَّاقِبُ

“(Al-Ṭāriq) ialah bintang yang menembusi (sinaran cahayanya).”

Surah al-Ṭāriq (86): 3

Allah SWT telah bersumpah dengan bintang pada ayat ini. Secara tidak langsung, Allah telah menyatakan sifat bintang yang terang dan mampu menembusi kegelapan malam dengan sinaran cahayanya.⁴³ Mengikut Ḥassan al-Bannā, bintang ini merujuk kepada semua jenis bintang kerana semua bintang bercahaya. Manakala, jumhur ulama menyatakan bahawa bintang yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah bintang *thurayyā* (*pleiades iaitu bintang yang terletak pada kategori jujukan utama*) yang mana Allah bersumpah dengan bintang yang muncul pada malam tertentu sahaja bukan dengan semua bintang yang muncul pada setiap

⁴¹ Abī al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd Ibn ‘Umar al-Zamakhsharī al-Khawārizmī (1972), *al-Kashshaf ‘An Ḥaqāiq Ghawāmid al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwil fī Wujūh al-Ta’wīl*, j. 4. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 27.

⁴² Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 2690.

⁴³ Abī al-Fida’ Ismā‘īl Ibn ‘Umar Ibn Kathīr al-Qarshīy al-Damashqī (t.t), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, j. 4. Kaherah: Maktabah Zahrah, h. 498-499.

malam.⁴⁴ Terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa bintang *thurayyā* dikategorikan sebagai bintang pulsar⁴⁵(iaitu bintang yang berada pada peringkat terakhir tempoh hayatnya).

وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ

“Demi bintang semasa ia menjunam.”

Surah al-Najm (53): 1

Allah SWT telah bersumpah pada permulaan surah *al-Najm* dengan tempat jatuhnya bintang. Tempat jatuhnya bintang boleh difahami sama ada jatuh terbenam atau lenyap setelah terbitnya fajar.⁴⁶

Berdasarkan *Dictionary and Glossary of the Kor-an* maksud *hawā* pada ayat ini ialah jatuh bergelimpangan⁴⁷ Dalam kitab *Lisān al-‘Arabī*, perkataan *hawā* memberi dua maksud iaitu jatuh dan mati. Berdasarkan Imām Nasafī dan Sa‘īd Hawwā pula menyatakan bahawa bintang ini merujuk kepada bintang yang sangat terang cahayanya.⁴⁸

Terdapat juga pengkaji mentafsirkan ayat ini sebagai meteor. Ciri-ciri bintang neutron⁴⁹ menyerupai meteor kerana masing-masing mengeluarkan cahaya yang terang. Namun begitu, sebahagian meteor akan terbakar apabila memasuki

⁴⁴ Al-Marāghi (2001), *op.cit.*, j. 15, h. 7527.

⁴⁵ Aid al-Qarnī (2008), *Tafsir Muyassar*, j. 4. Jakarta: Tim Qisthi Press, h. 580.

⁴⁶ Abī al-Fidā’ Ismā‘īl Ibn ‘Umar Ibn Kathīr al-Qarshīy al-Damashqī (1999), *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, Sāmī bin Muḥammad Salāmah (ed.), j. 8. Riyādh: Dār Ṭayyibah, h. 442.

⁴⁷ John Penrice (2006), *A Dictionary and Glossary of the Qur’an*, Duraid Fatouhi (ed.). Petaling Jaya: The Other Press, h. 239.

⁴⁸ Sa‘īd Ḥawwā (1993), *al-Asās fī al-Tafsīr*, j. 10, c. 4. Kaherah: Dar al-Islam, h. 5570.

⁴⁹ Bintang neutron: bintang yang kecil tetapi komposisinya padat. Bintang ini mempunyai material yang pelbagai. Bintang tersebut memancarkan cahaya yang bersinar. Lihat Ian Ridpath (1997), *A Dictionary of Astronomy*. New York: Oxford University Press, h. 324.

lapisan atmosfera. Ini kerana suhunya meningkat disebabkan pergeserannya dengan udara atmosfera dan sebahagian yang lain akan jatuh ke bumi. Sebaliknya, bintang neutron atau pulsar hanya mengeluarkan cahaya yang terang tetapi tidak terbakar.⁵⁰ Terdapat firman Allah yang menyebut tentang meteor dalam surah *al-Ṣāfāt* dan surah *al-Jin*:

إِلَّا مَنْ خَطِفَ الْخَطْفَةَ فَأَتْبَعَهُ شِهَابٌ ثَاقِبٌ

“Kecuali sesiapa di antara syaitan-syaitan itu yang curi mendengar mana-mana percakapan (malaikat), maka ia diburu dan diikuti (dengan rejaman) api yang menjulang lagi menembusi.”

Surah *al-Ṣāfāt* (37): 10

وَأَنَّا لَمَسْنَا السَّمَاءَ فَوَجَدْنَاهَا مَلِئَةً حَرَسًا شَدِيدًا وَشُهَبًا

“Dan bahawa sesungguhnya kami telah berusaha mencari berita langit, lalu kami dapati langit itu penuh dengan pengawal-pengawal yang sangat kuat kawalannya, dan (dengan rejaman-rejaman) api yang menyala”

Surah *al-Jin* (72): 8

Ayat-ayat ini menunjukkan bahawa di langit terdapat pengawal untuk menjaga rahsia para malaikat. Perkataan *Shihāb* membawa maksud membakar⁵¹ yang merujuk kepada meteor. Meteor terbentuk hasil daripada ais dan debu-debu kotor yang kelihatan bercahaya apabila masuk pada ruang atmosfera bumi.⁵²

⁵⁰ Yusuf al-Hajj Ahmad (2010), *Sains Moden Menurut Perspektif al-Qur’ān dan as-Sunnah*, Johor: Jahabersa, h. 545.

⁵¹ John Penrice (1987), *Dictionary and Glossary of the Qur’ān*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 79.

⁵² Shawqī Muḥammad Ṣāliḥ Dalāl (2006), *Mawsū‘at ‘Ulūm al-Falak wa al-Faḍā’ wa al-Fīziyā’ al-Falakiyyah*, j. 2. Kuwayt : Mu’assasat al-Kuwayt lil Taqaddum al-‘Ilmī, h. 1211.

فَلَا أُقْسِمُ بِمَوَاقِعِ النُّجُومِ

“Maka Aku bersumpah: Demi tempat-tempat dan masa-masa turunnya bahagian-bahagian al-Quran.”

Surah al-Wāqī‘ah (56): 75

Qatādah menyatakan bahawa Allah telah bersumpah dengan tempat jatuhnya bintang-bintang iaitu ketika bintang-bintang itu jatuh terbenam.⁵³ Al-Ḥassan juga memberi maksud yang sama, iaitu bintang akan jatuh berguguran apabila berlakunya hari kiamat. Sedangkan Ibn ‘Abbās pula berpendapat ayat ini bersumpah dengan tempat turunnya al-Quran.⁵⁴

Terdapat beberapa firman Allah SWT yang menggunakan lafaz sumpahan bintang, ini membuktikan terdapatnya keistimewaan pada bintang dan memperlihatkan kekuasaan dan kemampuan Allah mencipta bintang dengan sempurna dan indah.

فَإِذَا النُّجُومُ طُمِسَتْ

“Oleh itu, apabila bintang-bintang (binasa dan) hilang lenyap”

Surah al-Mursalāt (77): 8

Ayat ini menggambarkan bahawa pada suatu masa bintang akan hilang cahayanya dan akhirnya binasa. Apabila bintang-bintang itu dilenyapkan sinarnya, maka alam semesta akan menjadi sangat gelap. Ini sebagai petanda

⁵³ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1967), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur‘ān*, j. 17. Kaerah: Dār al-Kutūb Miṣriyyah, h. 223.

⁵⁴ Al-Ṭabarī (1997), *op.cit.*, j. 2, h. 224.

akan berlakunya hari kiamat.⁵⁵ Ayat ini juga boleh dikaitkan dengan letupan supernova. Selepas berlaku letupan supernova keadaan langit akan cerah, lama kelamaan cahayanya mula hilang.

وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ

“Dan apabila bintang-bintang gugur berselerak”

Surah al-Takwīr (81): 2

Ayat ini juga menyentuh tentang hari kiamat. Al-Kalbī dan ‘Aṭā’ menyatakan bahawa langit bumi dipenuhi bintang-bintang tetapi ia tidak kekal di langit. Ini kerana pada suatu masa hari kiamat akan berlaku yang mana pada ketika itu cahaya bintang-bintang akan hilang. Apabila bintang jatuh bertaburan sinar cahayanya akan menjadi pudar.⁵⁶ Ayat ini dapat membuktikan bahawa pada suatu masa bintang-bintang akan mengakhiri hayatnya dengan mengeluarkan cahaya yang terang dan akhirnya akan lenyap. Jadi ayat ini sesuai dengan proses pengakhiran bagi bintang berjisim tinggi yang mengakhiri hayatnya sebagai bintang neutron yang tidak bercas dan lama kelamaan hilang lenyap.

وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ

“Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturanNya.”

Surah al-Raḥmān (55): 6

⁵⁵ *Ibid.*, h. 501.

⁵⁶ Muḥammad Ibn ‘Alī Ibn Muḥammad al-Shawkānī (1995), *Faḥ al-Qadīr al-Jamī ‘ bayna Fannī al-Riwāyah wa al-Dirāyah min ‘Ilm al-Taḥsīr*, j. 5. Yusuf al-Ghūsh (ed.). Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 477.

Berdasarkan ayat ini, ahli tafsir telah mendefinisikan *al-Najm* sebagai tumbuh-tumbuhan yang tidak berbatang seperti rumput.⁵⁷ Manakala al-Mujāhid menyatakan maksud *al-Najm* adalah bintang-bintang yang berperanan pada waktu malam. Pendapat ini sama seperti yang dijelaskan dalam kitab *Tafsīr al-Ṭabarī*. Manakala mengikut al-Ḥassan, ayat ini menerangkan bahawa semua makhluk yang diciptakan oleh Allah sama ada di langit mahupun di bumi semuanya taat, patuh, dan tunduk kepada segala perintah Allah.⁵⁸

2.2.2 (b) Al-Kawkab atau al-Kawākib

Berikut adalah ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan bintang yang menggunakan lafaz *al-kawkab* (الْكَوْكَب) atau *al-Kawākib* (الْكَوَاكِب) iaitu:

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ اللَّيْلُ رَأَىٰ كَوْكَبًا سَطَّ قَالَ هَٰذَا رَبِّي فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا
أُحِبُّ الْآفِلِينَ

“Maka ketika ia berada pada waktu malam yang gelap, ia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu ia berkata: "Inikah Tuhanku?" Kemudian apabila bintang itu terbenam, ia berkata pula: "Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang.”

Surah al-An‘ām (6): 76

Ayat ini menceritakan tentang Nabi Ibrāhīm a.s. ketika mengamati bintang untuk mencari Tuhan. Ketika itu bintang kelihatan bercahaya kemudian berubah menjadi semakin malap dan dilihatnya sebuah bintang lain yang lebih terang cahayanya. Maka timbullah persoalan siapa tuhan yang patut disembah. Persoalan

⁵⁷ John Penrice (2006), *op.cit.*, h. 221.

⁵⁸ Abī ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1948), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur‘ān*, j. 17. Kaerah: Dār al-Kutub Miṣriyyah, h. 153-154.

ini dijadikan alasan terhadap anggapan kaum baginda yang tidak beriman kepada Allah. Apabila bintang itu tenggelam dari pandangannya, timbul keyakinan bahawa bintang tidak boleh dianggap sebagai Tuhan. Ini merupakan satu cara Nabi Ibrāhīm a.s. untuk memberi alasan kepada kaumnya bahawa semua yang mengalami perubahan itu tidak wajar dianggap sebagai Tuhan.⁵⁹

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ
وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ

“(Ingatlah peristiwa) ketika Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: Wahai ayahku! Sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan; aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku.”

Surah Yūsuf (12): 4

Ayat ini pula menceritakan kisah Nabi Yūsuf a.s. yang memberitahu ayahnya, Nabi Ya‘qūb bin Ishāq bin Ibrāhīm bahawa baginda bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan, masing-masing tunduk dan sujud kepada baginda. Kemudian, Nabi Ya‘qūb a.s. memahami bahawa mimpi anaknya itu bukan permainan tidur tetapi mimpinya itu adalah suatu ilham daripada Allah. Baginda yakin bahawa anaknya akan menempuh satu situasi yang sangat berat dan akan memegang jawatan penting untuk mentadbir negara yang mana semua masyarakat akan tunduk kepadanya. Sebelas bintang yang dilihatnya merujuk kepada adik beradik baginda manakala bulan dan matahari pula dianggap sebagai ibu bapa baginda yang menghormatinya sebagai manusia yang mulia di sisi Allah SWT.⁶⁰

⁵⁹ Al-Ṭabārī (1997), *op.cit.*, j. 3, h. 449-451.

⁶⁰ Ibn Kathīr (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 1440.

اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ مَثَلُ نُورِهِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا
 مِصْبَاحٌ ۗ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ ۗ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ
 شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ
 تَمْسَسْهُ نَارٌ ۗ نُورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَن يَشَاءُ ۗ وَيَضْرِبُ
 اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ ۗ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

“Allah yang menerangi langit dan bumi. Bandingan nur hidayah petunjuk Allah (Kitab Suci Al-Quran) adalah sebagai sebuah “Misykaat” yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam geluk kaca (qandil), geluk kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyalakan dengan minyak dari pokok yang banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu - dengan sendirinya - memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya berlapis cahaya. Allah memimpin sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang dan peraturanNya) kepada nur hidayahNya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Surah al-Nūr (24): 35

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT merupakan pencipta cahaya kepada langit dan bumi. Cahaya yang dikurniakan oleh Allah diibaratkan seperti bintang yang terang walaupun bergerak dengan pantas dari Timur ke Barat. Cahaya ini juga sangat bermakna kerana ia mampu menerangi alam zahir dan alam batin.⁶¹ Ayat ini menerangkan bahawa cahaya merupakan sumber kekuatan untuk alam semesta. Mengikut pendapat Ibn ‘Abbās, Allah dianggap sebagai *munawwar* iaitu penerang langit dan bumi. Allah menerangi langit dengan bintang-bintang

⁶¹ Sa‘īd Ḥawwā (1989), *al-Asās fī al-Tafsīr*, j. 7, c. 2. Kaherah: Dār al-Salam, h. 3772.

manakala manusia diterangi dengan syariat dan hukumNya. Oleh itu, Allah mengutuskan para rasul sebagai petunjuk untuk perkara kebaikan dan kebenaran.⁶²

إِنَّا زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِرِيْنَةِ الْكَوَاكِبِ

“Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan hiasan bintang-bintang.”

Surah al-Şāfāt (37): 6

Melalui ayat di atas, Allah SWT telah memberitahu tentang kekuasaanNya menghiasi langit dengan planet-planet. Oleh sebab itu, langit akan kelihatan cerah kerana terdapatnya bintang-bintang yang berkedipan serta bulan yang bersinar pada waktu malam.⁶³

وَإِذَا الْكَوَاكِبُ انْتَشَرَتْ

“Dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan.”

Surah al-Infīţār (82): 2

Ayat ini memberi peringatan, pada suatu masa bintang-bintang dari langit akan jatuh bertaburan ke bumi.⁶⁴ Ini merupakan peristiwa yang sangat mengerikan dan ia adalah tanda-tanda hari kiamat akan berlaku.⁶⁵

⁶² Sayyid Quṭb Ibrāhīm Husayn al-Sha‘rabī (1994), *Fī Zilāl al-Qur‘ān*, j. 2, c. 24. Beirut: Dar al-Shurūq, h. 270.

⁶³ Muḥammad Ibn ‘Umar Ibn al-Ḥusayn al-Rāzī al-Shāfi‘ī al-Ma‘rūf bi al-Fakhr al-Rāzī Abū ‘Abd Allāh Fakhr al-Dīn (1993), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahār bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghayb*, j. 15. al-Shaykh Khalīl Mays (ed.). Beirut: Dār al-Fikr, h. 120.

⁶⁴ Zaghlūl al-Najjār (2005), *op.cit.*, h. 61.

⁶⁵ Al-Ṭabārī (1997), *op.cit.*, j. 7, h. 563.

2.2.2 (c) *Al-Burūj*

Berikut adalah ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan bintang yang menggunakan lafaz *al-Burūj* (النُّجُج) ialah :

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّاهَا لِلنَّاظِرِينَ

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit: bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya.”

Surah al-Hijr (15): 16

Allah SWT menciptakan objek samawi di angkasa seperti planet, bulan dan bintang-bintang yang tidak terhitung banyaknya. Bintang-bintang yang menghiasi langit ini bergerak dengan mengikut keperluan yang telah ditetapkan oleh Allah. Ini merupakan satu pembuktian bahawa Allah maha mencipta. Dari sini manusia mula berfikir untuk mengkaji dan mencari hikmah kejadian bintang untuk manusia.⁶⁶

تَبَارَكَ الَّذِي جَعَلَ فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَجَعَلَ فِيهَا سِرَاجًا وَقَمَرًا مُنِيرًا

“Maha Berkah Tuhan yang telah menjadikan di langit, tempat-tempat peredaran bintang, dan menjadikan padanya matahari serta bulan yang menerangi.”

Surah al-Furqān (25): 61

Ayat di atas dapat menambah bukti kekuasaan Allah dengan menjelaskan bahawa Allah telah menciptakan berjuta-juta bintang. Bintang-bintang ini bergerak

⁶⁶ Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, j. 2, h. 1545.

laju di atas orbitnya⁶⁷ dan berada pada burujnya masing-masing tanpa berlaku sebarang pertembungan, ini kerana adanya daya tarikan graviti. Setiap galaksi mempunyai jutaan bintang yang bertaburan di ruang angkasa. Allah juga menjadikan matahari yang bercahaya dan bulan yang bersinar.⁶⁸

وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الْبُرُوجِ

“Demi langit yang mempunyai tempat-tempat peredaran bintang-bintang.”

Surah al-Burūj (85): 1

Ayat ini menunjukkan Allah bersumpah bahawa langit merupakan tempat pengumpulan bintang yang terdiri daripada 88 buruj dan hanya 12 buruj yang biasa dikenali.⁶⁹ Setiap tempat ini akan dipenuhi oleh satu gugusan bintang yang sempurna pergerakannya.⁷⁰

2.2.2 (d) Al-Maṣābīḥ

Berikut adalah ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan bintang yang menggunakan lafaz *al-Maṣābīḥ* (المصابيح) ialah :

⁶⁷ Tanṭāwī Jawharī (1931), *al-Jawāhir fī Tafsīr al-Qurʾān al-Karīm*. j. 12, Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 237.

⁶⁸ Muhammad Ibn ʿUmar Ibn al-Ḥusayn al-Rāzī al-Shāfiʿī al-Maʿrūf bi al-Fakhr al-Rāzī Abū ʿAbd Allāh Fakhr al-Dīn (t.t), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahār bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghayb*, j. 24, c. 2. Beirut: Dār al-Fikr, h. 106.

⁶⁹ Aries, Taurus, Gemini, Cancer, Leo, Virgo, Libra, Scorpio, Sagitarius, Capricornus, Aquarius dan Pisces.

⁷⁰ Ibrāhīm Ḥusayn al-Shaʿrābī Sayyid Quṭb (1971), *Fī Zilāl al-Qurʾān*, j. 8, c. 7. Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī, h. 525.

فَقَضَاهُنَّ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ فِي يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِي كُلِّ سَّمَاءٍ أَمْرَهَا ۗ وَزَيَّنَّا
السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ وَحِفْظًا ۗ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ

“Lalu Ia menjadikannya tujuh langit, dalam dua masa; dan Ia memberitahu kepada tiap-tiap langit akan urusan dan keperluannya masing-masing. Dan Kami hiasi langit yang dekat (pada pandangan mata penduduk bumi) dengan bintang-bintang yang bersinar cemerlang serta memelihara langit itu dengan sebaik-baiknya. Demikianlah ketentuan Allah yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui.”

Surah Fuṣṣilāt (41): 12

Berdasarkan ayat ini, Allah telah melengkapkan langit dengan bintang-bintang yang memancarkan cahaya. Bintang akan menerangi langit malam seperti cahaya lampu yang menerangi suasana yang gelap. Adapun matahari dan bulan mengeluarkan cahaya tetapi ia berbeza dengan cahaya bintang.⁷¹ Cahaya matahari akan memancar dengan suhu yang tinggi manakala bulan memantulkan cahaya sahaja seperti yang telah dijelaskan dalam firman Allah:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا

“Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya.”

Surah Yūnus (10): 5

Bulan akan bersinar, matahari akan bercahaya dan menyinari serta bintang akan berkedipan pada waktu malam. Oleh itu, bintang paling sesuai untuk dijadikan sebagai hiasan langit pada waktu malam.

⁷¹ Al-Imām Sulaymān Ibn ‘Umar al-‘ajlī al-Shāfi’ī al-Shahr bil ḥaml (1996), *Al-Futūḥāt al-‘Ilāhiyyah bi Tawḍīḥ Tafsīr al-Jalālayn lil Daqā’iq al-Khafīyyah*, j. 7, Ibrāhīm Shām al-Dayn (ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyyah, h. 12.

Ayat ini juga menerangkan fungsi bintang yang dijadikan sebagai penjaga langit daripada jin yang mendengar rahsia dalam kalangan malaikat di langit. Oleh kerana apabila jin turun ke bumi, jin menyampaikan rahsia yang telah didengarinya kepada ahli sihir. Kesannya, manusia mula percaya kepada ahli sihir, sedangkan jin hanya menceritakan sedikit rahsia yang benar kepada ahli sihir⁷² dan selebihnya adalah palsu. Oleh yang demikian, kenyataan ini dikuatkan lagi dengan hadis Rasulullah SAW iaitu :

حدثنا محمد بن سلام أخبرنا مخلد بن يزيد أخبرنا ابن جريح قال ابن شهاب أخبرني يحيى بن عروة أنه سمع عروة يقول قالت عائشة : سألت أناس رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الكهان فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم (ليسوا بشيء) . قالوا يا رسول الله فإنهم يحدثون أحيانا بالشيء يكون حقا ؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم (تلك الكلمة من الحق يخطفها الجني فيقرها في أذن وليه قر الدجاجة فيخلطون فيها أكثر من مائة كذبة)

“Dari Ā’ishah, r.a dengan dia bertanya kepada Rasulullah mengenai kepercayaan manusia kepada ahli sihir: Dia berkata: Itu bukan sesuatu yang benar kemudian mereka berkata: Wahai Rasulullah sesungguhnya kata-kata mereka itu kadang-kadang benar-benar kemudian Rasulullah berkata: Itu kata-kata daripada hak untuk melindunginya daripada Jin maka apa yang didengarinya banyak kebohongan.” Diriwayatkan oleh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī: (Ahli sihir).⁷³

وَلَقَدْ زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيَاطِينِ ۖ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعِيرِ

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan

⁷² Al-Ṭabārī (1997), *op.cit.*, j. 6, h. 517.

⁷³ Muḥammad b. Ismā‘īl Abū ‘Abd Allāh al-Bukhārī (1987), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, “Bāb Qawl al-Rijāl li Shay’ Laysa bi Shay’”, no. hadith 5859. j. 5. Beirut: Dār Ibn Kathīr, al-Yamāmah, h. 2294.

bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap syaitan-syaitan; dan Kami sediakan bagi mereka azab neraka yang menjulang-julang.”
Sūrah al-Mulk (67): 5

Melalui ayat di atas, Allah menjadikan bintang sebagai alat untuk merejam syaitan. Dalam pada itu, langit dapat dilindungi daripada jin-jin dan syaitan serta wahyu tetap terpelihara dari pengurangan dan penambahan. Sesungguhnya Allah telah mempersiapkan neraka bagi syaitan dan para pengikutnya.⁷⁴

Secara teorinya, ayat ini sebenarnya sesuai dikaitkan dengan suar suria. Ini kerana suar suria melepaskan tenaga, sedangkan komet pula berasal daripada awan Oort iaitu merujuk kepada batu dan ais yang dikelilingi cahaya. Tambahan pula, suar suria merupakan ledakan cahaya terang yang kelihatan berhampiran dengan tompok matahari. Fenomena ini boleh berlaku dalam tempoh beberapa ketika yang disebabkan oleh ledakan gas hidrogen.⁷⁵

2.2.2 (e) Al-Khunnās

Berikut adalah ayat al-Quran yang berkaitan bintang yang menggunakan lafaz *al-Khunnas* (الْخُنُوسِ):

فَلَا أُقْسِمُ بِالْخُنُوسِ ﴿١٥﴾ الْجَوَارِ الْكُنُوسِ

“Oleh itu, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul; yang beredar, juga yang tetap pada tempatnya.”

Surah al-Takwīr (81): 15-16

⁷⁴ Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 2887.

⁷⁵ *Glosari Astronomi* (1995), *op.cit.*, h. 338.

Ayat ini menggunakan lafaz sumpah dengan bintang-bintang yang kelihatan pada waktu malam dan tersembunyi di sebalik sinar matahari pada waktu siang. Bintang-bintang sentiasa muncul dan tenggelam kerana bintang-bintang berputar pada orbit masing-masing.⁷⁶

Perkataan *al-Khunnās* yang digunakan dalam nas adalah berkaitan dengan bintang yang beredar dan terbenam. Oleh itu, mengikut Ibn Manzūr perkataan *al-Khunnās* membawa maksud yang sama dengan *al-kunnās* iaitu tersembunyi dan tertutup. Ayat ini menggunakan ayat penguat (*ta'kid*) iaitu dua perkataan sama erti yang disebut dalam satu huraian. Dengan demikian Dr. Zaghūl al-Najjār dalam penulisannya telah membuat kesimpulan bahawa perkataan *al-Khunnās* membawa takrifan yang sama dengan *al-Kunnās*. Perkataan *al-Kunnās* berasal daripada perkataan *al-Kuns* yang memberi maksud menghapuskan objek-objek di langit.⁷⁷

2.2.2 (f) Al-Shi'rā

Berikut adalah ayat al-Quran berkaitan bintang yang menggunakan lafaz *al-Shi'rā* (الشَّعْرَى) ialah:

وَأَنَّهُ هُوَ رَبُّ الشَّعْرَىٰ

“Dan bahawa sesungguhnya, Dialah Tuhan yang menciptakan Bintang Shi'rā”

Surah al-Najm (53): 49

⁷⁶ Al-Shawkānī (1995), *op.cit.*, h. 479-480.

⁷⁷ Zaghūl al-Najjār (2005), *op.cit.*, h. 64.

Bintang *shi'rā* merujuk kepada bintang yang sangat jauh, tinggi tetapi sangat terang dan jelas kelihatan di bumi. Pada zaman dahulu bintang ini disembah oleh orang-orang kafir.⁷⁸

Perkataan *shi'rā* ini bersesuaian apabila dipadankan dengan bintang Sirius. Bintang *shi'rā* sebenarnya adalah bintang yang mempunyai pasangan dan bersinar pada waktu malam.⁷⁹ Ahli sains telah mengenal pasti bintang ini dan menyatakan bahawa bintang ini merupakan salah satu daripada bintang berganda atau bintang berpasangan. Bintang ini akan mengorbit antara satu sama dan berpusat pada satu titik yang dikenali sebagai pusat jisim (*center of mass*).⁸⁰

Saiz bintang *shi'rā* adalah dua puluh kali lebih besar jisimnya daripada matahari dan cahayanya lima puluh kali lebih terang daripada matahari. Ini disebabkan bintang *shi'rā* berada jauh daripada matahari.⁸¹ Bintang ini dikenali sebagai bintang Sirius A dan Sirius B. Bintang Sirius A lebih besar, terang dan mampu dilihat dengan mata kasar kerana jaraknya lebih dekat dengan bumi jika dibandingkan dengan bintang Sirius B yang malap dan kecil. Bintang Sirius B hanya dapat dilihat dengan bantuan teleskop.⁸²

Bintang Sirius mempunyai orbit yang berbentuk elip dan pusat tarikannya berada di tengah. Bintang Sirius A dan B ini menarik antara satu sama lain. Tempoh peredarannya ialah 49.9 tahun. Kenyataan ilmiah ini dijelaskan pada akhir abad ke-20 sedangkan ia telah dijelaskan dalam nas al-Quran sejak 1400 tahun yang

⁷⁸ Al-Qurtubī (1948), *op.cit.*, j. 17, h. 119.

⁷⁹ Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 2708.

⁸⁰ Alan H. Batten (1973), *Binary and Multiple System of Stars*. Oxford: Pergamon Press, h. 1.

⁸¹ Sayyīd Qutb (1971), *op.cit.*, j. 7, h. 632.

⁸² Fred Schaaf (2008), *The Brightest Stars*. Hoboken, N.J: John Wiley & Sons, h. 84.

lalu. Apabila membaca ayat 49 dan 9 dalam surah *al-Najm*, keajaiban ini menjadi jelas kerana bersesuaian dengan fakta yang telah dijumpai oleh ahli astronomi kini.⁸³ Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan bahawa sesungguhnya, Dialah Tuhan yang menciptakan Bintang Shi’rā” [Surah al-Najm (53); 49]
“Sehingga menjadilah jarak (di antaranya dengan Nabi Muhammad) sekadar dua hujung busaran panah, atau lebih dekat lagi;” [Surah al-Najm (53); 9]*

Busar disini menjelaskan bentuk orbit bintang *Shi’rā* iaitu berbentuk elip. Kemungkinan juga ayat ini menggambarkan keadaan kedua-dua bintang *Shi’rā* ini yang saling mengorbit antara satu sama lain dan berpusat pada pusat jisim.⁸⁴

2.2.2 (g) Al-Ṭāriq

Berikut adalah ayat al-Quran yang menggunakan lafaz *al-Ṭāriq* (الطَّارِق) yang membawa maksud bintang iaitu:

وَالسَّمَاءِ وَالطَّارِقِ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الطَّارِقُ ﴿٢﴾

*“Demi langit dan "At-Taariq"; - Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia "At-Taariq" itu? - At-Taariq ialah bintang yang menembusi (sinaran cahayanya)”
Surah al-Ṭāriq (86): 1-2*

Perkataan *al-Ṭāriq* adalah bintang.⁸⁵ Manakala menurut *Tafsīr Ibn Kathīr* yang mengambil pendapat Ibn Qatādah menyatakan bahawa perkataan *al-Ṭāriq*

⁸³ Maḥmūd Shukrī al-Alūsī (2004), Mukhlis B. Mukti et al. (eds.), *Al-Quran & Ilmu Astronomi*. Kamran As’ad Irsyadi (terj.). Jakarta: Pustaka Azzam, h. 548.

⁸⁴ *Ibid.*

sesuai diertikan sebagai bintang. Ini kerana ayat berikutnya menjelas mengenai salah satu bintang yang dapat dilihat di langit pada waktu malam. Di samping itu, Ibn Abbās mentafsirkan *al-Thāqib* pula sebagai bercahaya.⁸⁶ Ayat ini menceritakan mengenai bintang pulsar. Bintang ini mempunyai isyarat denyutan yang memancarkan sinaran radiasinya. Ada pendapat yang menyatakan maksud *al-Ṭāriq* adalah bintang denyutan sehingga mengeluarkan bunyi ketukan.⁸⁷

2.3 Kitar Hidup Bintang

Kehidupan bintang tidak ubah seperti kehidupan makhluk hidup yang lain. Bintang akan mengalami kehidupan sepanjang hayatnya dan inilah yang dikenali sebagai kitar hidup bintang, yang bermula dari proses kelahiran sehinggalah kematiannya.⁸⁸

Kitar hidup bintang adalah tempoh masa perubahan yang dialami oleh bintang sepanjang hidupnya iaitu selepas berlakunya proses ledakan yang besar. Unsur hidrogen merupakan bahan penting dan asas dalam pembentukan bintang. Bintang terbentuk apabila awan nebula mula runtuh kemudian proses pelakuran nuklear pada teras bintang berlaku dan bintang mula bersinar sehinggalah ia mati iaitu selepas berlakunya fenomena ledakan supernova.⁸⁹

⁸⁵ Husni Nassar (1979), *al-Taysīr fī Tafsīr al-alfāz al-Qur'ān al-Karīm*. Iskandariyah: Munsha'at Anwār al-Ma'rīfah, h.131.

⁸⁶ Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, j.4, h. 3020.

⁸⁷ Yusuf Al-Hajj Ahmad (2010), *op.cit.*, h. 547.

⁸⁸ Ian Ridpath (1987), *op.cit.*, h. 71.

⁸⁹ Micheal Zeilik (2002), *op.cit.*, h. 306.

Kitar hidup bintang tidak boleh dipelajari dengan cara mengamati satu bintang sahaja. Ini kerana umur bintang mencecah sehingga ribuan malah ada juga mencapai jutaan tahun sedangkan umur manusia terlalu singkat untuk melakukan hal tersebut. Kitar hidup bintang hanya boleh dipelajari dan difahami melalui analisis daripada hasil pemerhatian ribuan bintang dengan usia yang berbeza-beza. Sehubungan dengan itu, pengkaji perlu menganalisis bintang muda dan bintang tua yang sesuai dengan sifat fizikal dan komposisinya untuk mengkaji jangka hayat bintang.⁹⁰

2.3.1 Kelahiran Bintang

Melalui ayat al-Quran, rahsia-rahsia kejadian alam semesta dapat dibongkarkan. Permulaan kejadian alam digambarkan seperti sebuah objek yang sangat panas sehingga mencapai trillion darjah dan mempunyai tekanan yang sangat tinggi sehingga berlaku satu letupan yang kuat menyebabkan objek tersebut pecah dan bertaburan. Serpihan-serpihan tersebut bergerak menjauhi antara satu sama lain dan menyebabkan ruangnya menjadi semakin meluas dan suhu yang panas mula menyejuk.⁹¹ Terdapat dalam nas al-Quran berhubung dengan keadaan tersebut dalam firman Allah:

أَوَلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَفَتَقْنَاهُمَا^ط
وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٍّ^س أَفَلَا يُؤْمِنُونَ

⁹⁰ Jason S. Kalirai & Harvey B. Richer (2010), “Star Cluster as Laboratories for Stellar and Dynamical Evolution”, *Jurnal IOP Science*, Jil. 368 bil. 1913, Februari 2010, h. 755-782.

⁹¹ Muḥammad Bāsil al-Ta’ī (1998), *Khalq al-Kawn Bayna al-‘Ilm wa al-Īmān*. Beirut: Dār al-Nafāis, h. 89.

“Dan (jika ada) sesiapa di antara mereka berkata: "Sesungguhnya aku ialah tuhan selain dari Allah", maka yang berkata sedemikian itu, Kami akan membalasnya dengan (azab) neraka jahanam; demikianlah Kami membalas golongan yang zalim”.

Surah al-Anbiyā’ (21): 30

Dalam ayat ini, Allah telah menjelaskan bahawa alam semesta termasuklah objek-objek samawi seperti bintang, matahari, bulan dan lain-lain,⁹² kesemuanya berasal daripada satu cantuman.⁹³ Lalu ianya dipisahkan dengan tekanan udara, kemudian masing-masing bertaburan di ruang angkasa.⁹⁴

Sebahagian daripada serpihan yang bertaburan menjadi debu hitam yang berkumpul dengan gas-gas tertentu untuk membentuk bintang-bintang dan objek samawi yang lain.⁹⁵

Proses pembentukan bintang sentiasa berlaku dan proses ini disebut sebagai penyempurnaan langit dalam nas al-Quran.

رَفَعَ سَمَكَهَا فَسَوَّاهَا

“Ia telah meninggikan bangunan langit itu lalu menyempurnakannya”

Surah al-Nāzi‘āt (79): 28

Bintang terbentuk melalui pemadatan gas dan debu di angkasa yang dikenali sebagai nebula.⁹⁶ Akhir hayatnya bagi bintang yang bersaiz besar, berlaku apabila

⁹² Sulaiman Noordin (1995), *Sains Menurut Perspektif Islam*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 20.

⁹³ Tanṭāwī Jawharī (1931), *op.cit.*, h. 207.

⁹⁴ Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, j. 3, h. 1844.; al-Baghāwī (1993), *op.cit.*, j. 3, h. 204.

⁹⁵ ‘Adnān Sharīf (1993), *Min ‘Ilm al-Falāq al-Qur’ānī*, c. 2. Beirut: Dār al-‘Ilm al Malāyīn, h. 52.

ledakan yang dahsyat tercetus dan segala komposisinya akan berhamburan ke seluruh arah. Serpihan-serpihan ini akan membentuk bintang atau planet yang lebih kecil. Fakta ini dapat membuktikan bahawa sistem suria juga terbentuk selepas berlakunya ledakan sebuah bintang raksasa.⁹⁷

Ahli astronomi terdahulu tidak mempercayai tentang kewujudan unsur-unsur di antara bintang-bintang kerana yang dilihat di angkasa hanya sebuah bintang sahaja. Mereka juga mempercayai bahawa bilangan bintang adalah tetap. Namun, sekarang telah jelas bahawa bintang itu sentiasa dilahirkan kemudian tua dan akhirnya mati. Oleh itu, sudah tentu wujud pelbagai unsur lain di antara bintang-bintang di angkasa yang terhasil daripada kelahiran bintang baru.⁹⁸

Unsur-unsur itu terdiri daripada gas hidrogen dalam bentuknya yang asal, helium, debu yang tersusun daripada pengumpulan karbon, ammonia, metanol dan unsur-unsur lain. Unsur-unsur tersebut terhasil daripada letupan bintang (Nova atau supernova) yang bertaburan di ruang angkasa. Pada peringkat awal pembentukannya, gas hidrogen terbentuk apabila proton bercampur dengan neutron dan proses ini mewujudkan gas deuterium iaitu gas hidrogen berat dan gas-gas ringan yang lain terutama gas helium dan sedikit litium, berilium dan boron.⁹⁹

Gas-gas inilah yang dikenali sebagai *primary* nebula. Dalam jangka masa yang singkat, ruang angkasa akan didominasi oleh gas hidrogen dan helium.

⁹⁶ Perkataan nebula berasal daripada perkataan Yunani iaitu awan kerana ia akan kelihatan di langit pada waktu malam seperti awan. Nebula terbentuk daripada sekumpulan gas dan debu yang akan menghasilkan bintang. Lihat *Glosari Astronomi* (1995), *op.cit.*, h. 239.

⁹⁷ Sheikh Yusuf al-Hajj Ahmad (2006), *Al-Quran Kitab Sains dan Medis*. Jakarta: Grafindo, h. 66.

⁹⁸ Md. Sharit Bharuddin (2007), *Buku Lengkap Astronomi dan Angkasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 56.

⁹⁹ Sains dan al-Quran, <http://www.al-azim.com/~smkdolsaid/sainsdlmquran.htm>, 2 Januari 2011.

Selepas lebih kurang sejuta tahun, gas-gas tersebut membeku dan bercantum untuk membentuk bintang, dan galaksi.¹⁰⁰ Penemuan-penemuan ini selari dengan pernyataan yang telah dijelaskan di dalam nas al-Quran.

Secara umumnya objek samawi di alam ini berasal daripada kumpulan asap tebal. Terdapat firman Allah yang menyebut bahawa unsur-unsur itu bertaburan di antara langit dan bumi.

ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ وَهِيَ دُخَانٌ

“Kemudian ia menunjukkan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit sedang langit itu masih berupa asap”.

Surah Fuṣṣilat (41): 11

Perkataan *dukhān* berasal daripada perkataan *dakhana* debu gelap yang akhirnya menjadi asap hitam. Debu-debu ini memenuhi ruang angkasa.¹⁰¹ Pada proses pembentukan bintang, *dukhān* adalah debu dan gas padat yang berada di antara bintang-bintang.¹⁰² Kemudian, berlaku proses pelakuran nuklear pada teras dan bintang mula bercahaya. Unsur-unsur berat hasil daripada pelakuran nukleus akan dibebaskan, lalu menjadi bahan pembentukan bintang-bintang yang lain. Manakala Ibn ‘Abbās berpendapat *dukhān* adalah asap iaitu wap air yang naik ke atas ketika bumi diciptakan oleh Allah.¹⁰³

¹⁰⁰ Stephen Hawking (1989), *op.cit.*, h. 150.

¹⁰¹ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 55. h. 149.

¹⁰² Salleh Ismail Yusuf al-Muti’e (2010), *Mukjizat al-Quran & Fakta-Fakta Sainifik*. Selangor: Al-Hidayah Publication, h. 35.

¹⁰³ Muḥammad ‘Alī al-Ṣabbūnī (t.t), *Ṣafwah al-Tafāsīr*, j. 3. Makkah: Maktabah al-Fayṣaliyyah, h. 117.

Dalam kitab Tafsīr Wahbah al-Zuhaylī, perkataan *dukhān* membawa maksud sejenis asap yang gelap.¹⁰⁴ Perkataan *dukhān* berasal daripada kalimah *dakhana* yang bermaksud sesuatu cecair yang naik ke atas apabila api dinyalakan lalu membentuk wap dan asap.¹⁰⁵

Kitab *al-Asās fī al-Tafsīr* yang ditulis oleh Shaykh Sa‘īd Hawwā menyatakan bahawa sebelum wujudnya objek-objek samawi, keadaan di angkasa berbentuk gas nebula seperti asap. Pendapat ini dapat diterima kerana perkataan yang digunakan iaitu gas nebula adalah sama dengan perkataan *dukhān* yang telah disebut dalam ayat al-Quran di atas.¹⁰⁶

Pada hakikatnya, Allah SWT mencipta sesuatu supaya manusia berfikir dan merenung tentang kewujudannya. Allah telah berfirman:

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَاعِبِينَ

“Dan (ingatlah) tidaklah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antaranya, secara main-main.”
Surah Al-Anbīyā’ (21): 16

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ

“Dan (ingatlah) tiadalah Kami mencipta langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya itu, melainkan dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat.”
Surah Al-Ḥijr (15): 85

¹⁰⁴ Wahbah Zūhaylī (1998), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhāj*, c. 2, j. 30. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āsir, h. 259.

¹⁰⁵ Zulkifly Mohd Yusoff. (2009), *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata dalam al-Quran*. Kuala Lumpur: PTS Islamika, Sdn. Bhd., h. 289-291.

¹⁰⁶ Sa‘īd Hawwā (1989), *op.cit.*, j. 9, h. 5010.

Allah SWT menyatakan dalam ayat-ayat di atas bahawa penciptaan langit dan bumi serta apa yang berada di antara keduanya dijadikan untuk membuktikan kekuasaanNya. Pembentukan bintang merupakan salah satu nikmat dan rahmat Allah yang besar kepada manusia.¹⁰⁷

2.3.2 Kematian Bintang

Kehidupan di angkasa sama seperti kehidupan di dunia kerana perlu melalui proses kelahiran, pembesaran, pematangan, penuaan dan kematian. Sesungguhnya sesuatu yang diciptakan oleh Allah itu akan menghadapi kematian seperti yang dijanjikan oleh Allah dalam firmanNya:

إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا وَعَدَ اللَّهُ حَقًّا إِنَّهُ يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ

“KepadaNya lah kembalinya kamu semua, sebagai janji Allah yang benar. Sesungguhnya Dia lah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya)”

Surah Yūnus (10): 4

Ayat berikut memberitahu tempoh bintang-bintang di angkasa akan tiba pada suatu masa.¹⁰⁸ Berdasarkan firman Allah SWT:

كُلٌّ يَجْرِي لِأَجَلٍ مُّسَمًّى

“Tiap-tiap satu dari keduanya, beredar untuk suatu masa yang telah ditetapkan.”

Surah al-Zumar (39):5

¹⁰⁷ Ali Abdul Hamid Abu al-Khair (2004), *Al-Qur'an dan Sains Moden*. Johor Bharu: Jahabersa, h. 107-117.

¹⁰⁸ Salleh Ismail Yusuf al-Muti'e (2010), *op.cit.*, h. 112.

Ayat ini menggambarkan bahawa semua benda termasuklah bintang-bintang akan menjalani kehidupannya untuk tempoh yang telah ditetapkan oleh Allah. Penciptaan bintang merupakan penciptaan yang agung yang mana Allah telah bersumpah dengan tempat jatuhnya bintang di dalam nas al-Quran:

فَلَا أُقْسِمُ بِمَوَاقِعِ النُّجُومِ

“Maka Aku bersumpah: demi tempat-tempat dan masa-masa turunnya bahagian-bahagian Al-Quran.”

Surah al-Wāqi‘ah (56): 75

Perkataan *Mawāqi‘i* berasal daripada perkataan *Waqā‘a* iaitu jatuh, tersungkur atau merudum. Dengan itu, perkataan *Mawāqi‘i* membawa maksud tempat sesebuah bintang itu akan jatuh tersungkur. Manakala, *Nujūm* bermaksud bintang-bintang. Maka ayat *Mawāqi‘i Nujūm* bererti tempat jatuh sesebuah bintang.¹⁰⁹

Mengikut tafsiran ‘Abd Allāh Ibn ‘Abbās, perkataan *Mawāqi‘i Nujūm* adalah al-Quran yang diturunkan oleh Allah pada malam *Lailatul Qadar*. Bagi beliau, bintang yang dimaksudkan adalah al-Quran. Tetapi, majoriti ulama mentafsirkan bahawa perkataan *al-Nujūm* adalah bintang-bintang yang memenuhi langit. Pendapat ini dikukuhkan dengan pendapat yang dikeluarkan oleh Sa‘īd Ḥawwā di dalam *kitab al-Asās fī al-Tafsīr*¹¹⁰ dan Sayid Quṭb di dalam kitabnya *Fī*

¹⁰⁹ Osman bin Khalid et al. (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Wan Abd Hamid Wan Teh et.al. (eds.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2676.

¹¹⁰ Sa‘īd Ḥawwā (1989), *op.cit.*, j. 10, h. 5700.

Zilāl al-Qur’ān. Tuntasnya, *Mawāqī’i Nujūm* membawa maksud tempat jatuh sesebuah bintang.¹¹¹

Terdapat pendapat yang menyatakan bahawa pada suatu masa bintang akan menghilang. Kenyataan ini bersesuaian dengan firman Allah yang menyatakan bahawa pada suatu hari bintang akan dihapuskan ketika langit terbelah.¹¹²

﴿٩﴾ وَإِذَا السَّمَاءُ فُرِجَتْ ﴿٨﴾ فَإِذَا النُّجُومُ طُمِسَتْ

“Oleh itu, apabila bintang-bintang (binasa dan) hilang lenyap; dan apabila langit terbelah.”

Surah al-Mursalāt (77): 8-9

Perkataan *ṭumisat* di ambil daripada perkataan *ṭamasa* yang membawa maksud menghapuskan dan hilang cahayanya atau berubah bentuknya.¹¹³ Gumpalan bintang-bintang yang hilang akan berubah menjadi bahan unsur baru untuk pembentukan bintang lain. Kekuatan tarikan graviti yang menarik bintang-bintang tersebut akan musnah dan bintang-bintang itu akan berhamburan seterusnya jatuh berselerakan.¹¹⁴ Firman Allah:

﴿١﴾ وَإِذَا الْكَوَاكِبُ انْتَثَرَتْ إِذَا السَّمَاءُ انْفَطَرَتْ

“Apabila langit terbelah; dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan;”

Sūrah al-Infīṭār (82): 1-2

¹¹¹ Sayyid Qutb (1971), *op.cit.*, j. 8, h. 5700.

¹¹² Ali Abdul Hamid Abu al-Khair (2004), *op.cit.*, h. 49-50.

¹¹³ Muḥammad Ibn Mukarram Ibn Manzūr (1988), *op.cit.*, j. 25, h. 126.

¹¹⁴ Maḥmūd Shukrī al-Alūsī (2004), *op.cit.*, h. 329-330.

Peristiwa kematian bintang juga telah diceritakan oleh Allah dalam ayat lain iaitu:

﴿فَلَا أُقْسِمُ بِالْخُنَّسِ﴾ ﴿١٥﴾ ﴿الْجَوَارِ الْكُنَّسِ﴾ ﴿١٦﴾

“Oleh itu, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul, yang beredar, juga yang tetap pada tempatnya”

Surah al-Takwīr (81): 15-16

Dalam ayat ini Allah telah bersumpah dengan lohong hitam, ia merupakan pusat graviti bagi bintang-bintang yang besar. lohong hitam ini mempunyai komposisi yang sangat padat dan mempunyai daya tarikan yang sangat tinggi sehingga ia mampu menghalang cahaya bintang melaluinya. Bintang-bintang ini hilang kerana ditarik oleh tarikan graviti lohong hitam tersebut.¹¹⁵

Kesimpulannya, ayat-ayat ini membuktikan bahawa setiap sesuatu yang diciptakan itu akan berakhir hayatnya dengan menghadapi kematian. Sesungguhnya hanya Allah sahaja yang mengetahui berakhirnya hayat sesebuah bintang, dan hanya Allah sahaja yang tidak ada akhir baginya.

2.4 Fungsi-Fungsi Bintang mengikut Nas al-Quran

Penulis menghuraikan secara ringkas fungsi-fungsi bintang yang telah disebut dalam nas al-Quran. Bintang merupakan sebuah bebola samawi yang mengeluarkan cahaya yang terang maka sudah tentu manusia akan memperolehi faedah daripada cahaya tersebut.

¹¹⁵ Zaghlūl al-Najjār (2005), *op.cit.*, h. 37.

Mengikuti Ibn Qutaybah dalam kitabnya *al-Anwā'* menjelaskan bahawa bintang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Ia boleh digunakan untuk kemaslahatan agama seperti menjadikan bintang sebagai kompas untuk mengetahui arah kiblat bahkan ia merupakan fardu kifayah. Namun demikian, Islam melarang umatnya menjadikan bintang sebagai ilmu nujum (ilmu tilik atau ilmu astrologi).¹¹⁶

Ulama tafsir iaitu Qatādah telah menghuraikan ayat kelima dalam surah *al-Mulk*

إن الله جلّ ثناؤه إنما خلق هذه النجوم لثلاث خصال: خلقها زينة
للسماء الدنيا، ورجوماً للشياطين، وعلامات يهتدي بها؛ فمن يتأول
منها غير ذلك، فقد قال برأيه، وأخطأ حظه، وأضاع نصيبه، وتكلف
ما لا علم له به

“Sesungguhnya Allah menciptakan bintang dengan tiga tujuan: [1] sebagai hiasan langit dunia, [2] sebagai alat untuk merejam syaitan, dan [3] sebagai petunjuk arah. Barang siapa yang meyakini fungsi bintang selain itu, berarti dia telah berkata mengikut akal fikirannya semata-mata dan dia akan mendapat nasib yang buruk, kerana mengada-adakan cerita dan telah menyukarkan untuk berbicara sedangkan dia tidak memiliki ilmu pengetahuan.”

Qatādah menerangkan tiga tujuan Allah menciptakan bintang-bintang iaitu untuk menghiasi langit, merejam syaitan dan menjadi petunjuk bagi para musafir dan pengembara di daratan, mahupun di lautan.¹¹⁷ Oleh itu, Qatādah melarang manusia untuk mempelajari kedudukan bintang. Begitu juga dengan Sufyān bin ‘uyainah tidak memberi kemudahan dalam masalah ini. Namun demikian, ulama

¹¹⁶ Maḥmūd Shukrī al-Alūsī (2004), *op.cit.*, h. 178.

¹¹⁷ Ibn Kathīr (2004), *op.cit.*, j. 4, h. 2888.

salaf berpendapat bahawa sesiapa yang tidak yakin dengan tiga fungsi bintang, maka mereka telah mengingkari perintah Allah.¹¹⁸

Fungsi bintang ini telah dijelaskan dalam nas al-Quran untuk menggambarkan bahawa ia merupakan salah satu tanda-tanda kemukjizatan al-Quran yang menguji kemampuan manusia untuk mengkajinya dengan lebih mendalam.

2.4.1 Alat untuk Merejam Syaitan

Bintang dijadikan sebagai alat merejam syaitan untuk memelihara dan menjaga keadaan langit daripada intipan syaitan yang sentiasa berusaha mahu mencuri untuk mendengar rahsia para malaikat.¹¹⁹ Hal ini telah disebut dalam firman Allah:

وَلَقَدْ زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيَاطِينِ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعِيرِ

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap syaitan-syaitan; dan Kami sediakan bagi mereka azab neraka yang menjulang-julang.”
Surah Al-Mulk (67): 5

Pada asalnya syaitan mendapat keistimewaan dengan kemampuan dan kelebihan untuk mendengar berita daripada para malaikat di langit. Kemudian,

¹¹⁸ Mahmūd Shukrī al-Alūsī (2004), *op.cit.*, h. 81-88.

¹¹⁹ Salleh Ismail Yusuf al-Muti'e (2010), *op.cit.*, h. 37.

syaitan akan membisikkan kepada tukang ramal rahsia yang mereka dengar, lalu manusia yang mempercayainya akan tunduk dan patuh kepada tukang tilik tersebut.¹²⁰

Allah sentiasa menjaga langit dengan percikan api yang akan dilepaskan dari bintang-bintang. Maka syaitan yang mencuri berita dari langit tersebut akan binasa. Amat benarlah apabila Allah SWT berfirman:

وَأَنَا كُنَّا نَقْعُدُ مِنْهَا مَقَاعِدَ لِلسَّمْعِ فَمَنْ يَسْتَمِعِ الْآنَ يَجِدْ لَهُ شِهَابًا
رَّصَدًا ﴿٩﴾ وَأَنَا لَا نَدْرِي أَشَرُّ أَرِيدَ يَمَنَ فِي الْأَرْضِ أَمْ أَرَادَ بِهِمْ رَبُّهُمْ
رَشَدًا

“Padahal sesungguhnya kami dahulu biasa menduduki tempat-tempat (perhentian) di langit untuk mendengar (percakapan penduduknya); maka sekarang sesiapa yang cuba mendengar, akan mendapati api yang menyala yang menunggu merejamnya; Dan bahawa sesungguhnya kami tidak mengetahui adakah (dengan adanya kawalan langit yang demikian) hendak menimpakan bala bencana kepada penduduk bumi, atau pun Tuhan mereka hendak melimpahkan kebaikan kepada mereka?”

Surah al-Jin (72): 9-10

Dengan kajian yang telah dilakukan berdasarkan data saintifik, pengkaji mendapati konteks ayat ini sesuai dengan suar suria sebagai alat untuk merejam syaitan.

¹²⁰ Zulkifli Mohd Yusoff (2003), *Biografi Muhammad bin Abdullah*. Pahang: PTS Publication, h. 24-25.

2.4.2 Penentuan Arah

Cahaya bintang-bintang pada waktu malam dijadikan sebagai petunjuk arah.¹²¹ Seperti berpanduan buruj-buruj tertentu yang boleh dijadikan sebagai petunjuk bagi pengembara.¹²² Hal ini telah dinyatakan oleh Allah dalam firmanNya:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ النُّجُومَ لِتَهْتَدُوا بِهَا فِي ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ قَدْ فَصَّلْنَا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

“Supaya kamu berpedoman kepadanya dalam kegelapan (malam) di darat dan di laut. Sesungguhnya kami telah jelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) satu persatu bagi orang-orang yang mengetahui.”

Sūrah Al-An‘ām (6): 97

Apabila membaca ayat ke 16 dari surah *al-Naḥl*, Allah menjelaskan fungsi bintang sebagai petunjuk arah:

وَعَلَامَاتٍ ۗ وَبِالنُّجُومِ هُمْ يَهْتَدُونَ

“Dan (la mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju”

Surah al-Naḥl (16): 16

Mengikut Abū al-‘Abbās Aḥmad al-Bannā untuk menentukan arah kiblat berdasarkan bintang atau buruj agak sukar sekiranya jarak antara Mekah dan lokasi

¹²¹ Mahmood Zuḥdi Ab Majid (2003), *Tokoh-Tokoh Kesyajanaan Sains Islam*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, h. 93.

¹²² Salleh Ismail Yusuf al-Muti’e (2010), *op.cit.*, h. 37.

yang didiami terlalu jauh. Menurut Imam Shafie dalam kitabnya *al-Umm*, ia dibolehkan berjihad arah kiblat sekiranya berada jauh daripada Mekah.¹²³

2.4.3 Hiasan Langit pada Waktu Malam

Allah telah menghiasi langit bumi dengan bintang-bintang yang banyak, sempurna dan indah. Bintang-bintang tidak akan jatuh kerana Allah telah menciptakannya dalam keadaan yang sesuai dan seimbang sepanjang masa kerana wujud di antaranya daya graviti.¹²⁴

Terdapat banyak firman Allah yang menyebut tentang bintang dijadikan sebagai cahaya dan penghias langit pada waktu malam. Antara firman Allah:

وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّاهَا لِلنَّاظِرِينَ

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit: bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta kami hiasi langit itu bagi orang-orang yang melihatnya.”

Surah al-Ĥijr (15): 16

إِنَّا زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِزِينَةِ الْكَوَاكِبِ

“Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan hiasan bintang-bintang.”

Surah Al-Şāffat (37): 6

¹²³ Baharuddin Zainal (2003), *Ilmu Falak: Teori Praktikal dan Hitungan*. Kuala Terengganu: Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), h. 80.

¹²⁴ Salleh Ismail Yusuf al-Muti'e (2010), *op.cit.*, h. 68.

وَلَقَدْ زَيَّنَّا السَّمَاءَ الدُّنْيَا بِمَصَابِيحَ وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيَاطِينِ وَأَعْتَدْنَا
لَهُمْ عَذَابَ السَّعِيرِ

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan; dan Kami sediakan bagi mereka azab neraka yang menjulang-julang.”

Surah al-Mulk (67): 5

Demikianlah tujuan Allah SWT menciptakan bintang-bintang yang menghiasi cakerawala yang tidak terhitung banyaknya. Tambahan pula, ia dapat dimanfaatkan oleh manusia sesuai dengan keinginannya dan kehendaknya. Jika keinginannya yang sesuai dengan keredhaan Allah, sudah tentu Allah akan memudahkannya. Sebaliknya, jika keinginan yang hendak dicapai berlawanan dengan keredaan Allah, maka sukar untuk dikecapinya bahkan disediakan azab yang pedih seperti mereka yang menggunakan bintang untuk meramal nasib manusia.

2.5 Kesimpulan

Setelah mengkaji tentang isi kandungan ayat-ayat al-Quran, kajian ini dapat membantu pengkaji untuk mengetahui rahsia kejadian bintang dan dapat membuktikan kehebatan kalam Allah. Hasil daripada kajian yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa dalam al-Quran terdapat tujuh perkataan yang berlainan merujuk kepada bintang iaitu *al-Najm*, *al-Kawkab*, *al-Maṣābīḥ*, *al-Burūj*, *al-Khunnās al-Shi'rā* dan *al-Ṭāriq*.

Berikut adalah jadual lafaz dan ayat pada surah yang diambil dari al-Quran yang membawa maksud bintang.

Jadual 2.1: Lafaz Bintang pada Ayat dan Surah

Lafaz	Ayat dan Surah
al-Najm/ al-Nujūm	Surah al-Naḥl (16): 16; Surah al-Ṭāriq (86): 3; Surah al-Najm (53): 1 dan Surah al-Raḥmān (55): 6 Surah al-An‘ām(6): 97; Surah al-A‘rāf (7): 54; Surah al-Naḥl (16): 12; Surah al-Ḥajj (22): 18; Surah al-Ṣāfāt (37): 88; Surah al-Tūr (52): 49; Surah al-Wāqi‘ah (56): 75; Surah al-Mursalāt (77): 8 dan Surah al-Takwīr (81): 2.
al-Maṣābīḥ	Surah al-An‘ām (6): 76; Surah Yūsuf (12): 4; Surah al-Nūr (24): 35; Surah al-Ṣāfāt (37): 6 dan Surah al-Infiṭār (82): 2.
al- Kawkab / al- Kawākib	Surah al-Ḥijr (15): 16; Surah al-Furqān (25): 61 dan Surah al-Burūj (85): 1
al-Burūj	Surah Fuṣṣilat (41): 12 dan Surah al-Mulk (67): 5.
al-Khunnās	Surah al-Takwīr (81): 15-16
al-Shi’rā	Surah al-Najm (53): 49.
al-Ṭāriq	Surah al-Ṭāriq (86): 1-2

Daripada pemahaman pengkaji, *al-Najm* merujuk kepada semua jenis bintang yang berkerdipan di langit pada waktu malam. Perkataan *al-Kawkab* pula membawa maksud bintang yang berada dalam satu kelompok yang terdiri daripada beberapa buah bintang membentuk corak-corak yang pelbagai. Ia juga dikenali sebagai buruj. Ada juga pendapat mendefinisikan *al-Kawkab* sebagai planet kerana planet juga memancarkan cahaya dan apabila dilihat dari bumi ia kelihatan seperti satu titik pegun yang bersinar.¹²⁵

¹²⁵ George Saliba (1994), *A History of Arabic Astronomy*. New York: New York University Press, h. 78.

Al-Burūj ialah zodiak iaitu bintang-bintang yang berada dalam satu kumpulan membentuk satu corak tertentu. Zodiak terletak di sepanjang laluan matahari iaitu garisan ekliptik. Pada abad ke-15 zodiak dibahagikan kepada 12 bahagian dan digelar dengan nama-nama tertentu, yang mana ia akan muncul mengikut setiap bulan.

Al-Miṣbāḥ merupakan salah satu daripada bintang dan kemungkinan bintang ini ialah matahari. Ini kerana pada setiap ayat yang menggunakan lafaz *al-Miṣbāḥ* merujuk kepada bintang yang berada hampir dengan bumi dan menghasilkan cahaya yang sangat terang.

Perkataan *al-Khunnās* dapat diinterpretasikan sebagai bintang neutron. *al-Khunnās* jamak kepada *al-Khānis* iaitu planet yang bergerak. Ia juga boleh dirujuk sebagai bintang pulsar. *Al-Khunnās* juga membawa maksud mampat ini boleh dikaitkan dengan lohong hitam. Lohong hitam mempunyai kepadatan yang tinggi disebabkan adanya tarikan graviti yang kuat. Letupan supernova berlaku pada bintang berjisim tinggi, sekiranya jisim bintang kurang daripada 8 kali jisim matahari (M_{\odot}) ia berakhir sebagai bintang neutron, manakala lebih daripada 8 kali jisim matahari (M_{\odot}) ia berakhir sebagai lohong hitam.

Perkataan *al-Shi'rā* pula merujuk kepada bintang yang sangat besar dan cerah. Dalam bahasa saintifik, bintang *al-Shi'rā* dikenali sebagai bintang *sirius*. Bintang ini dapat dijejaki sebelum zaman Ptolemy lagi. Pada zaman Arab jahiliyyah bintang ini dianggap sebagai tuhan oleh kaum *Lakham* kerana bintang ini sangat cerah dan mempunyai pasangan. Manakala perkataan *al-Ṭāriq* pula sesuai

dikaitkan dengan bintang pulsar. Semua bintang pulsar adalah bintang neutron, sebaliknya bintang neutron tidak semestinya bintang pulsar.

Dalam al-Quran hanya satu ayat sahaja yang menceritakan tentang kelahiran bintang iaitu pada surah Fuṣṣilat (41): 11. Ayat ini menyebut bahawa bintang dijadikan daripada *dukhān* iaitu debu dan asap.

Kematian bintang pula dijelaskan pada enam ayat iaitu pada

- i. Surah al-Najm (53): 1
- ii. Surah al-Wāqiah (56): 75
- iii. Surah al-Mursalāt (77): 8
- iv. Surah al-Takwīr (81): 2
- v. Surah al-Takwīr (81): 15
- vi. Surah al-Infīṭār (82): 1

Manakala Fungsi bintang terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- i. Insaniyyah : hiasan langit, alat rejaman syaitan, menentukan musim
- ii. Sainifik : petunjuk arah, mengukur jarak
- iii. Ibadah : arah kiblat, waktu solat.